



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN DIBUKA HARI INI

KUALA LUMPUR, 8 Februari – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) mengumumkan pembukaan **Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) bermula hari ini sehingga 8 April 2026**. Perkara ini diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang ketika menyempurnakan **Majlis Memperingati Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al- Haj: Negarawan Ulung Pengasas Negara Bangsa di Muzium Negara**.

BTAR adalah **biasiswa komprehensif bagi menyokong pelajar berkeperluan dan berpotensi tinggi untuk melanjutkan ijazah sarjana muda di universiti awam atau swasta tempatan**. Biasiswa ini menggunakan pendekatan penilaian yang holistik dengan mengambil kira latar belakang, cabaran dan keadaan kehidupan serta aspirasi calon. Sehingga kini, **YTAR telah membantu lebih 10,600 pelajar** di seluruh negara. Permohonan biasiswa ini boleh dilakukan melalui pautan www.yayasantar.org.my

Sementara itu, majlis hari ini diadakan bagi **mengenang legasi serta sumbangan besar Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**. Sebagai Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri pertama negara, Almarhum telah meletakkan asas kukuh pembinaan sebuah negara bangsa yang merdeka, berdaulat dan berteraskan perpaduan.

Dalam ucapannya, YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, **“Kini, legasi dan falsafah kepimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman iaitu Pembinaan Negara Bangsa dihidupkan kembali oleh KPN”**. Tema **Bersama Membina Negara Bangsa** dijadikan sebagai tonggak perpaduan negara sekaligus meneruskan usaha dan semangat dan

aspirasi Bapa Kemerdekaan yang meletakkan perpaduan sebagai asas pembinaan negara sejak awal kemerdekaan.

Program ini turut diserikan dengan pelbagai program sisipan antaranya Wacana Memperingati Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman, Bengkel Doodle dan Seni Kartun Perpaduan, serta Demonstrasi Seni Melukis Doodle Perpaduan.

Selain itu, KPN melalui Arkib Negara Malaysia turut mengadakan **Pameran “Tunku Negarawan Ulung: Pengasas Negara Bangsa” selama dua (2) bulan bermula pada 1 Februari 2026 hingga 29 Mac 2026 dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang** bagi menelusuri perjalanan perjuangan, kepimpinan dan pemikiran seorang tokoh agung yang menjadi tunjang kepada pembentukan negara bangsa.

Kementerian Perpaduan Negara

8 Februari 2026

KPN.100-9/1/16 (7)

